



29

## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN KEWANGAN BIL. 05/2019

Rujukan : Bil ( 29 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

25 November 2019

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah-Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

#### **CETAKAN BORANG PERAKUAN PEMILIKAN PEGANGAN PEMBERIAN POTONGAN 50% CUKAI TAKSIRAN MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, sebagaimana yang tuan/ puan sedia maklum, semua pegawai dan anggota Majlis layak untuk mendapat pemberian **50% potongan Cukai Taksiran** ke atas rumah kediaman milik pegawai/ anggota Majlis Bandaraya Ipoh/ pesara Majlis Bandaraya Ipoh masing-masing tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa mulai tahun 2020 Borang Perakuan Pemilikan Pegangan Pemberian Potongan 50% Cukai Taksiran MBI boleh dicetak sendiri dengan ID pengguna masing-masing di Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT6i). Borang yang siap dicetak hendaklah dikemukakan kepada Unit Amanah, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan **pada atau sebelum 27 Disember setiap tahun**. Permohonan kali pertama hendaklah dibuat melalui Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan.

4. Bersama-sama ini dikemukakan Lampiran A iaitu *manual* cetakan Borang Perakuan Pemilikan Pegangan Pemberian Potongan 50% Cukai Taksiran MBI di Sistem SPBT6i.

5. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. **Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)  
Datuk Bandar Ipoh

**"INOVASI NADI KESIAGAAN TRANSFORMASI"**